



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

15 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

BILANGAN 37 / 2024 (CPA)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PERKENALKAN RANGKA KERJA AUDIT VERIFIKASI PEMATUHAN (AViP)

1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui Bahagian Pengurusan Pematuhan telah memperkenalkan Audit Verifikasi Pematuhan, atau ringkasnya AViP, iaitu strategi audit baharu yang bertujuan untuk menjalankan pengauditan komprehensif terhadap entiti perniagaan (EP) berlandaskan konsep 'Mencegah Ketirisan Hasil'. Usaha ini akan membantu EP meningkatkan tahap pematuhan sendiri selaras dengan perundangan, prosedur dan dasar percukaian yang ditadbir oleh JKDM.
2. Objektif utama AViP adalah untuk memastikan pengauditan yang menyeluruh bagi mengelakkan auditi diaudit secara berulang serta meningkatkan tahap pematuhan auditi melalui tindakan AViP. Ini akan memberi peluang kepada auditi untuk membuat Pengakuan Sukarela (*Voluntary Disclosure* - VD) melalui pindaan penyata / *supplementary return* atau mengemukakan pengiraan kurang bayar cukai, duti, atau levi.
3. Antara insentif yang ditawarkan dalam AViP ini adalah **kelulusan remisi penalti** di antara **50 peratus hingga 100 peratus**, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Di samping itu, kelulusan bayaran ansuran bagi bil tuntutan hasil pindaan apa-apa penyata cukai turut disediakan.
4. Sehubungan itu, bagi memastikan EP dapat meningkatkan tahap pematuhan dari peringkat awal, **Rangka Kerja Audit Verifikasi Pematuhan (AViP)** disediakan sebagai panduan kepada EP berhubung pelaksanaan audit AViP supaya mereka memahami objektif dan hala tuju AViP.



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial

5. Diharapkan Rangka Kerja Audit Verifikasi Pematuhan (AViP) ini dapat memberikan panduan yang jelas dan menyeluruh kepada EP dalam meningkatkan pematuhan terhadap perundangan, prosedur, dan dasar percukaian yang dikendalikan oleh JKDM, selain membantu memastikan pematuhan yang lebih baik pada masa hadapan.
6. Sila layari Portal Rasmi JKDM melalui **www.customs.gov.my** untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Rangka Kerja Audit Verifikasi Pematuhan (AViP) ini.
7. Pelaksanaan AViP diharap dapat menjadi landasan kepada peningkatan tahap pematuhan dalam kalangan EP yang berurusan dengan JKDM. Dengan adanya panduan yang jelas, EP bukan sahaja dapat mematuhi keperluan percukaian, malah dapat menjalankan operasi dengan lebih beretika dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

15 NOVEMBER 2024



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial